



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM  
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:  
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
TAHUN 2019**

**TEMPAT:  
DEWAN SRI SIANTAN, PRESINT 3,  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**TARIKH:  
27 FEBRUARI 2020 | KHAMIS**

1. Terima kasih kepada YBrs. Tuan / Puan pengacara majlis.
2. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
3. Salam Bahagia, Salam Sayangi Malaysiaku, Salam Sayangi Kastamku dan Salam Makmur Bersama.
4. **YBhg. Dato' Ahmad Maher Bin Abd Jalil,**  
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri),  
  
**YBhg. Dato' Abdul Latif Bin Abdul Kadir,**  
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan),  
  
**YBrs. Puan Khairiah Binti Ab Rashid,**  
MTT. Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan),  
  
Penolong-Penolong Ketua Pengarah Kastam,  
Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Operasi Zon dan Negeri,  
  
Yang diraikan, para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi tahun 2019,  
  
Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

5. Pertama-tamanya, marilah kita memanjatkan rasa syukur kehadrat Allah S.W.T. atas kurniaan nikmat kesihatan dan kesempatan untuk bersama-sama berkumpul dalam majlis yang penuh gemilang pada pagi ini.
6. Saya mengambil ruang ini untuk menzahirkan ucapan sekalung penghargaan kepada seluruh pasukan jawatankuasa yang telah menggembung tenaga dalam menjayakan penganjuran **“Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, tahun 2019”**.
7. Mudah-mudahan majlis pada hari ini berjalan lancar di bawah payung rahmat yang maha esa. Insya-Allah.

**Hadirin yang dihormati sekalian.**

8. Jabatan Kastam Diraja Malaysia sentiasa menghargai setiap peranan perkhidmatan serta budaya kerja cemerlang yang dipersembahkan oleh seluruh warga.
9. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan sebuah bentuk pengiktirafan secara langsung oleh jabatan bertujuan menggalakkan warga Kastam untuk terus melipatgandakan komitmen serta daya usaha dalam mempertingkatkan mutu kerja dan produktiviti perkhidmatan.
10. Saluran pengiktirafan ini diwujudkan bagi mencetuskan budaya persaingan sihat dan amalan kerja yang proaktif dalam mencerminkan keupayaan optimum para pegawai ke arah menghasilkan tahap

penyampaian perkhidmatan yang berkualiti sekaligus dapat memacu misi, visi dan slogan JKDM secara holistik.

11. Di kesempatan ini, suka untuk saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada seluruh penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, bagi tahun 2019.
12. Saya percaya, penghargaan ini sedikit sebanyak dapat membangkitkan semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan dalam memperkasa hasrat jabatan, seterusnya menjadi mentor kepada warga Kastam yang lain.

**Hadirlin yang dihormati sekalian.**

13. Dasar kerajaan telah mencetuskan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang terus membangun secara mampan, adil dan inklusif.
14. Halatuju ini adalah bertepatan dengan pengenalan visi terkini JKDM; **Kastam Peneraju Kemakmuran Negara**, yang telah digerakkan bermula tahun 2020 ini.
15. Justeru, sebagai penjawat awam yang bertanggungjawab, kita wajar berpandangan jauh dan bersifat dinamik serta tidak leka dengan pencapaian masa kini.

16. Warga Kastam perlu melaksanakan *core business* dan amanah yang telah diberikan melalui menyampaikan perkhidmatan terbaik dan berintegriti kepada masyarakat dan para pemegang taruh.
17. Mudah-mudahan, tahap kualiti perkhidmatan yang dipamerkan oleh para penerima APC dan seluruh warga JKDM berupaya memperkasa sebuah negara bangsa yang bersatu, makmur serta bermaruah.

**Hadirlin yang dihormati sekalian.**

18. Saya yakin, kebanyakkan warga jabatan masih mendukung tinggi prinsip integriti semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
19. Sikap integriti serta akauntabiliti adalah antara prinsip penting yang perlu ada dalam jati diri setiap pegawai ke arah mewujudkan output perkhidmatan yang bermutu tinggi sekaligus menaikkan imej cemerlang JKDM.
20. Usaha pengukuhan integriti ini mampu membawa perubahan positif terhadap prestasi jabatan ke arah memacu misi, khasnya dalam menekang penularan serta penjualan rokok dan minuman keras (RMK) secara tidak sah di pasaran tanah air.
21. Selain itu, selaras dengan situasi semasa berserta saranan daripada Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, para penjawat awam harus mengekalkan pendirian berkecuali dan *apolitical*, yakni tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti politik.

22. Kita perlu sentiasa menjunjung tinggi semangat taat dan setia terhadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan buat negara.
23. Suka untuk saya tegaskan disini bahawa seluruh penjawat awam, khususnya warga Kastam tidak seharusnya terlibat dalam apa juar lapangan politik mahupun menularkan sebarang berita palsu yang bertentangan dengan polisi kerajaan.
24. Teruskan berkhidmat seperti biasa berteraskan paksi perundangan dan dasar yang sedia ada ke arah memastikan kelancaran sistem penyampaian kerajaan.
25. Mudah-mudahan, kita dapat melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan jujur demi memartabatkan nama baik dan keunggulan imej Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**Hadirlin yang dihormati sekalian.**

26. Mengakhiri kalam, sekali lagi saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, bagi tahun 2019.
27. Buktikanlah nilai kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan dengan menonjolkan semangat juang serta iltizam jitu bagi menghasilkan perkhidmatan yang disegani dan bermutu tinggi.

***Tanjung Pinang Tanjung Puteri,  
Tempat Siaran Bersama Teman;  
Insan Cemerlang Hebat Sekali,  
Jadi Bualan Merentas Zaman.***

28. Mudah-mudahan momentum kecemerlangan ini dapat terus dipertingkatkan dari masa ke masa demi merealisasikan slogan keramat; **Berkhidmat Memakmurkan Negara.**
29. Sekian, selamat maju jaya dan terima kasih.

**DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM,  
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.  
TARIKH: 27 FEBRUARI 2020**